



SOALAN - SOALAN LAZIM (FAQ)
PENJANAKERJAYA 3.0
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)
BIL. 2/2021 | 22 Julai 2021

1. Apakah itu PenjanaKerjaya 3.0?

- PenjanaKerjaya 3.0 merupakan penambahbaikan daripada PenjanaKerjaya 2.0 yang telah dilaksanakan sebelum ini. Permohonan untuk **PenjanaKerjaya 3.0** di bawah Program PEMULIH 2021 akan dibuka **pada 15 Julai 2021** melalui Portal PenjanaKerjaya (penjanakerjaya.perkeso.gov.my).
- Permohonan PenjanaKerjaya ini adalah bagi pekerja yang telah melapor diri mulai 15 Jun sehingga 31 Disember 2021 dan digajikan oleh majikan dalam tempoh PenjanaKerjaya 3.0.

2. Apakah penambahbaikan PenjanaKerjaya 3.0?

- Berikut adalah penambahbaikan bagi PenjanaKerjaya 3.0 :
 - I. Gaji minima bagi kategori Malaysianization telah dikurangkan daripada RM 1,500 kepada RM 1,200.
 - II. Tempoh kontrak perkhidmatan bagi golongan mudah terjejas iaitu individu yang berusia 50 tahun ke atas, bekas penagih dadah, bekas banduan atau orang yang diparol dikurangkan daripada minimum 12 bulan kepada kontrak perkhidmatan 6 bulan sahaja.

3. Apakah status PenjanaKerjaya 2.0 sebelum ini?

- Program PenjanaKerjaya 2.0 yang dilaksanakan sebelum ini telah tamat pada 30 Jun 2021. Majikan yang mengambil pekerja **selepas 15 Jun 2021** adalah layak untuk memohon insentif di bawah PenjanaKerjaya 3.0 mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan dan berpandukan garis panduan di bawah.

- Bayaran bagi permohonan insentif PenjanaKerjaya 2.0 yang dikemukakan oleh majikan **sebelum atau pada 7 Julai 2021** akan diproses dan dibayar sehingga selesai mengikut kadar ditetapkan di bawah PenjanaKerjaya 2.0.
- Majikan yang telah menerima kelulusan dibawah PenjanaKerjaya 2.0 masih boleh membuat permohonan latihan **sehingga 30 September 2021**.

4. Siapakah yang LAYAK memohon PenjanaKerjaya 3.0?

- Majikan daripada semua kategori industri yang berdaftar dan mencarum dengan PERKESO sebelum **1 Jun 2021**
- Majikan yang berdaftar dengan SSM (atau pihak berkuasa yang lain seperti ROS, ROC, PBT, dan lain-lain) sebelum **1 Jun 2021**.
- Majikan Sektor Awam, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah layak bagi **kategori Perantisan**.

5. Majikan manakah yang TIDAK LAYAK memohon PenjanaKerjaya 3.0?

- Agensi Pekerjaan Swasta ataupun Syarikat Penyumberan Luar (*Outsourcing / Contractor for Service*) yang memberikan perkhidmatan penempatan pekerjaan kepada perusahaan lain (*principal*) dan bukannya sebagai majikan langsung.
- Majikan Sektor Awam, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kedutaan dan mereka yang bekerja sendiri (tidak mempunyai majikan).

6. Apakah jenis pekerjaan yang TIDAK DIBENARKAN untuk memohon PenjanaKerjaya 3.0?

- Pekerjaan yang berkonsepkan tidak formal atau Gig.

- Pekerjaan yang berkonsepkan Multi Level Marketing (MLM) adalah tidak dibenarkan memohon PenjanaKerjaya 3.0 kerana ia merupakan satu bentuk pekerjaan yang memerlukan pembentukan rangkaian ahli/pekerja untuk membolehkan pengambilan pekerja dalam skala yang besar dan tidak mempunyai tugas kerja yang jelas.

7. Apakah kategori pekerja yang TIDAK LAYAK mendapat insentif di bawah PenjanaKerjaya 3.0?

- Pekerja yang telah atau sedang menerima dan tersenarai dalam Program PenjanaKerjaya 2.0 kecuali perantis di bawah PenjanaKerjaya 1.0 atau 2.0 yang diambil secara tetap / kontrak di bawah PenjanaKerjaya 3.0.
- Pekerja yang telah atau sedang menerima dan tersenarai dalam mana-mana Program Subsidi Upah (PSU) sama ada di bawah majikan yang sama atau berbeza.
- Pekerja yang berhenti secara sukarela adalah **tidak layak**. Walaubagaimanapun bagi pekerja yang berhenti secara sukarela dan mempunyai tempoh 2 bulan pengangguran adalah layak dipertimbangkan.
- Pelajar praktikal atau individu yang masih belum tamat pengajian.
- Ibu bapa, suami atau isteri, adik-beradik atau anak yang diambil sebagai pekerja.
- Pekerja bukan warganegara.

8. Apakah dokumen yang diperlukan bagi permohonan Program Insentif Pengambilan Pekerja di bawah PenjanaKerjaya 3.0?

Dokumen-dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

i. Dokumen yang perlu dimuat naik dalam Portal PenjanaKerjaya

- Maklumat akaun bank majikan (salinan hadapan yang tertera nama majikan, nombor akaun majikan dan nama bank).
- Maklumat nombor pendaftaran perniagaan majikan yang telah disahkan oleh Pihak Bank (Business Registraton Number -BRN).

- Borang Pengesahan Pekerja yang telah ditandatangani oleh pekerja.
- Maklumat akaun bank pekerja (salinan halaman hadapan Penyata Bank yang tertera nama pekerja, nombor akaun pekerja, nombor kad pengenalan dan nama bank).
- Pelan pengambilan dan penyata kewangan bagi permohonan daripada majikan tunggal serta permohonan insentif pengambilan yang berjumlah tinggi.

ii. Dokumen yang perlu dikemukakan kepada pegawai PERKESO sekiranya diminta

- Perakuan / *Self Declaration* oleh majikan sekiranya pekerja tersebut terdiri dalam kategori Golongan Mudah Terjejas seperti di dalam jadual.
- **Kontrak Perkhidmatan** Pekerja Baru serta maklumat **slip gaji** pekerja sebagai bukti
- Borang Perakuan Berkanun
- Bukti caruman kepada KWSP bagi pekerja yang baru diambil bekerja

9. Bagaimanakah pembayaran insentif di bawah PenjanaKerjaya 3.0 dilaksanakan?

- Bayaran insentif pertama di bawah PenjanaKerjaya 3.0 akan dikreditkan ke dalam akaun majikan atau pekerja (mengikut kategori insentif) dalam tempoh 30 hari selepas permohonan yang lengkap diluluskan.
- Majikan hanya perlu membuat sekali permohonan sahaja dan bayaran insentif bagi bulan-bulan berikutnya akan dikreditkan terus ke dalam akaun majikan berdasarkan penerimaan bayaran caruman kepada PERKESO bagi bulan berikutnya.

10. Apakah tanggungjawab dan tindakan majikan selepas menerima insentif Elaun Persediaan Kerja (Bantuan Mobiliti)?

- Adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk membuat bayaran kepada pekerja selepas bayaran insentif ini dikreditkan ke akaun majikan.
- Majikan hendaklah memberi notifikasi kepada pekerja selepas pembayaran elaun ini telah dibuat ke dalam akaun pekerja.

11. Bilakah tarikh tutup permohonan PenjanaKerjaya 3.0?

- Tarikh akhir permohonan untuk insentif PenjanaKerjaya 3.0 adalah pada **31 Disember 2021**.
- Sekiranya majikan mengemukakan permohonan pada 31 Disember 2021, mereka akan dibayar bagi tempoh 6 bulan mengikut status keaktifan pekerja.

12. Adakah majikan akan menerima insentif di bawah PenjanaKerjaya 3.0 sekiranya pekerja dan perantis tersebut meletakkan jawatan?

- Insentif PenjanaKerjaya 3.0 bagi bulan berikutnya **TIDAK AKAN DIBAYAR** kepada majikan sekiranya pekerja dan perantis tersebut meletakkan jawatan.
- Sekiranya **pekerja atau perantis tersebut meletakkan jawatan**, majikan diwajibkan mengemaskini maklumat pekerja/perantis dalam sistem PenjanaKerjaya dalam tempoh 48 jam dan di Portal ASSIST.

13. Bagaimanakah semakan status permohonan boleh dilakukan oleh pihak majikan?

- Majikan dan pekerja boleh membuat semakan status permohonan di Sistem PenjanaKerjaya di laman sesawang penjanakerjaya.perkeso.gov.my

B. LATIHAN PENJANAKERJAYA 3.0

14. Bilakah majikan boleh membuat permohonan program latihan di bawah PenjanaKerjaya 3.0?

- Permohonan Latihan PenjanaKerjaya 3.0 oleh majikan boleh dibuat **mulai 15 Julai 2021** setelah menerima kelulusan permohonan Insentif Pengambilan daripada PERKESO.
- Majikan disarankan untuk membuat permohonan bagi Program Latihan di bawah PenjanaKerjaya 3.0 dalam tempoh masa 90 hari selepas menerima kelulusan.

15. Bilakah tarikh tutup permohonan program latihan di bawah PenjanaKerjaya 3.0?

- Majikan boleh membuat permohonan Latihan PenjanaKerjaya 3.0 sehingga **31 Mac 2022** bagi setiap pekerja yang diluluskan.

16. Apakah syarat kelayakan majikan untuk Program Latihan PenjanaKerjaya 3.0?

- Majikan yang mengambil pekerja/perantis di bawah PenjanaKerjaya layak memohon untuk pekerjanya menjalani latihan semula atau peningkatan kemahiran berdasarkan keperluan pekerjaan atau perusahaan berkenaan;
- Hanya kursus yang dikenalpasti bersesuaian dengan keperluan industri sahaja akan diluluskan.
- Setiap pekerja yang tersenarai di bawah PenjanaKerjaya 3.0 hanya layak mengikuti 1 kursus yang tersenarai di sistem latihan PenjanaKerjaya sahaja.

17. Apakah bidang kursus yang ditawarkan di bawah Program Reskilling PenjanaKerjaya 3.0?

- **Program Reskilling PenjanaKerjaya 3.0** terbuka kepada semua bidang pekerjaan dan perusahaan di negara ini.
- Senarai penuh kursus yang ditawarkan ada disenaraikan di laman sesawang www.myfuturejobs.gov.my/ms/senarai-penyedia-latihan

18. Apakah yang perlu dilakukan oleh majikan sekiranya permohonan latihan ditolak?

- Majikan boleh membuat permohonan semula dengan memilih kursus yang bersesuaian mengikut keperluan industri bagi pertimbangan PERKESO.

19. Adakah majikan atau pekerja perlu membuat permohonan secara terus dan sebarang pembayaran kepada Penyedia Latihan bagi tujuan permohonan latihan?

- Tidak. Setiap permohonan mestilah dilakukan oleh majikan melalui Portal PenjanaKerjaya sahaja dan tiada sebarang pembayaran perlu dibuat kepada Penyedia Latihan.

20. Dengan siapakah majikan boleh berhubung jika terdapat persoalan berkenaan latihan PenjanaKerjaya 3.0 ?

- Majikan boleh berhubung dengan Pegawai Latihan (Cik Arthi a/p Ravindran, Cik Malahayati binti Zahlan & Pn. Nurul Najiehah binti Zainal Abidin) di talian 03-8091 5300 atau e-mel kepada latihanvokasional@perkeso.gov.my

21. Adakah penyedia latihan atau majikan dibenarkan membuat pendaftaran peserta melalui kaedah Whatsapp ataupun platform lain bagi tujuan membuat pendaftaran pengambilan ?

- Tidak. Mana – mana penyedia latihan atau majikan dilarang membuat pendaftaran peserta melalui medium lain selain daripada aplikasi PERKESO. PERKESO berhak mengagalkan semua permohonan sekiranya didapati majikan atau penyedia latihan didapati membuat sedemikian.

22. Apakah tindakan yang boleh diambil PERKESO sekiranya didapati maklumat yang diterima adalah tidak benar ataupun palsu?

PERKESO boleh mengambil tindakan seperti berikut:

- Menolak permohonan oleh majikan atau penyedia latihan jika majikan atau penyedia latihan mengemukakan butir-butir atau dokumen yang palsu, tidak benar atau tidak betul sewaktu permohonan dibuat atau semasa permohonan diproses, atau jika majikan atau penyedia latihan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas;
- Menangguhkan dan memberhentikan bayaran jika permohonan atau bayaran yang dibuat oleh PERKESO adalah berdasarkan maklumat yang palsu, tidak benar atau tidak betul, atau jika majikan atau penyedia latihan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas; dan
- Mengambil apa-apa tindakan undang-undang menerusi laporan kepada PDRM ataupun SPRM untuk menuntut semula bayaran yang telah dibayar kepada majikan dan penyedia latihan, sekiranya majikan atau penyedia latihan telah menerima bayaran tersebut berdasarkan kepada maklumat yang palsu, tidak benar atau tidak betul yang telah diberikan kepada PERKESO oleh mana-mana pihak, atau majikan atau penyedia latihan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan selepas penerimaan bayaran bagi program insentif tersebut
- Menggantungkan atau menangguhkan kelayakan permohonan baru daripada majikan yang sedang dalam proses siasatan untuk mengemukakan tuntutan yang disyaki palsu atau tidak benar.

23. Bagaimana untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan insentif PenjanaKerjaya 3.0?

- Kunjungi www.perkeso.gov.my atau www.myfuturejobs.gov.my
- Individu yang berminat boleh juga menghubungi talian perkhidmatan khas kami di 03-80915300 / 1-300-22-8000 atau emel kepada penjanakerjaya@perkeso.gov.my

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

DIKEMASKINI PADA 22 JULAI 2021

INSENTIF & SYARAT KELAYAKAN PENJANAKERJAYA 3.0

SYARAT KATEGORI /	Perantis	40 tahun ke bawah	40 tahun ke atas / Golongan Mudah Terjejas	Malaysianization
Penentuan insentif dan kategori	Perantis di kalangan lepasan sekolah dan graduan berumur 18 - 30tahun (yang masih menganggur & tidak mempunyai pekerjaan yang tetap)	Kelayakan umur berdasarkan pada kad pengenalan	<p>Kelayakan umur berdasarkan pada kad pengenalan</p> <p><u>Golongan Mudah Terjejas</u></p> <p>Pekerja tempatan di bawah kategori ini adalah merangkumi golongan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Orang Kurang Upaya • Peserta Program Return to Work PERKESO • Bekas Penagih Dadah / Bekas Banduan / Orang yang Diparol • Golongan Miskin Tegar • Pengangguran Berpanjangan • Pemohon Faedah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) • Individu termasuk graduan ataupun individu yang tidak pernah mencarum PERKESO yang menganggur dalam tempoh melebihi 180 hari. 	Penggantian jawatan yang ditawarkan kepada pekerja tempatan bagi menggantikan pekerja asing.

Jumlah maksimum had pekerja	Tiada had maksimum jumlah pekerja		
Bayaran insentif kepada	Majikan		Majikan dan pekerja
Syarat Kontrak Perkhidmatan	Minimum 3 Bulan hingga 6 bulan	Minimum 12 Bulan **Minimum 6 bulan bagi golongan mudah terjejas (bagi yang berusia 50 tahun ke atas, Bekas Penagih Dadah / Bekas Banduan / Orang yang Diparol)	Minimum 12 bulan
Pengiraan Insentif	RM1,000 bagi tempoh 3 bulan RM800 bagi tempoh 6 bulan (Maksimum insentif yang akan diterima bagi seorang perantis RM 4,800 dalam tempoh 6 bulan)	40% daripada gaji bulanan (Maksimum insentif yang akan diterima adalah sebanyak RM4,000)	60% daripada gaji bulanan (Maksimum insentif yang akan diterima adalah sebanyak RM6,000) 40% daripada gaji bulanan dibayar kepada majikan (Maksimum insentif yang akan diterima adalah RM4,000) RM500 atau 20% daripada gaji bulanan (yang mana lebih tinggi) dibayar terus kepada pekerja
Tempoh Insentif	3 bulan atau 6 bulan	6 bulan	
Elaun Persediaan Kerja	Elaun Persediaan Kerja (Bantuan Mobiliti) akan dibayar kepada pekerja secara one-off melalui majikan; lebih daripada 100km = RM1,000 / kurang daripada 100km = RM500 *Seorang pekerja hanya layak menerima elaun ini sekali sahaja sepanjang tempoh program PenjanaKerjaya 3.0		
Syarat Gaji	Minimum RM1,200 dan ke atas	Minimum RM1,500 dan ke atas *Termasuk semua elaun tetap dan tidak termasuk elaun khas	Minimum RM1,200 dan ke atas
Kelayakan Yuran Latihan	Maksimum RM4,000	Maksimum RM7,000	
Syarat Utama bagi kategori Malaysianization	<ol style="list-style-type: none"> Gaji yang ditawarkan hendaklah sama seperti yang ditawarkan kepada pekerja. Pekerja yang diambil di bawah Malaysianization akan menerima insentif tambahan sebanyak 20% daripada gaji yang ditawarkan atau minimum RM 500 (Contoh: Sekiranya tawaran gaji adalah RM1,200 (gaji pokok dan elaun tetap sahaja tidak termasuk elaun kerja lebih masa), mereka akan diberi insentif tambahan RM500 		

	<p>menjadikan gaji kasar RM1,700*) Gaji kasar RM1,700* dalam contoh di atas adalah sebelum dipotong caruman KWSP, PERKESO dan SIP bagi pihak pekerja sahaja.</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Majikan diwajibkan mencarum KWSP, PERKESO (Akta 4) dan SIP. 4. Kategori pekerjaan adalah termasuk pekerjaan yang secara tradisinya diisi oleh pekerja asing atau pekerja bukan warganegara (kecuali PermastautinTetap). 5. Hanya majikan yang mempunyai rekod penggajian pekerja asing di PERKESO sahaja yang dibenarkan membuat permohonan Malaysianization atau mengikut senarai jawatan yang kebiasaannya diisi oleh pekerja asing.
<p>Syarat-syarat Lain</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Majikan hendaklah memastikan setiap pekerja dan kekosongan jawatan didaftarkan di dalam Portal MYFutureJobs (www.myfuturejobs.gov.my) 2. Pendaftaran profil MyfutureJobs pekerja harus dilakukan oleh pekerja sendiri dan tidak boleh dilakukan oleh majikan bagi pihak pekerja. 3. Majikan wajib membayar gaji seperti yang diiklankan di dalam Portal MYFutureJobs. 4. Majikan wajib mengemaskini tarikh berhenti kerja dalam tempoh 48 jam di Portal PenjanaKerjaya 3.0 dan Portal ASSIST sekiranya penerima insentif meletakkan jawatan. 5. Majikan dan pekerja hendaklah mematuhi garis panduan waktu bekerja yang ditetapkan di bawah Akta Kerja 1955. 6. Majikan digalakkan mengambil calon pekerja dari senarai yang berdaftar dalam Portal MYFutureJobs. 7. Majikan tidak boleh memberhentikan pekerja sedia ada dan menggantikannya (substitute) dengan pekerja yang sama atau yang baharu untuk permohonan PenjanaKerjaya 3.0. 8. Permohonan bagi majikan yang membayar gaji harian kepada pekerja adalah dibenarkan selagi mematuhi kadar minima gaji (RM1500) yang pasti diterima oleh pekerja setiap bulan.

¹ Maklumat permohonan akan disemak silang bersama pangkalan data ICU JPM dan JKM

JADUAL INSENTIF PENJANAKERJAYA 3.0

Insentif dibayar kepada Majikan			Insentif dibayar kepada Majikan		Dibayar secara terus kepada akaun pekerja	
Gaji yang ditawarkan oleh majikan	Bawah 40 tahun (40%)	Umur 40 tahun ke atas, OKU dan Golongan Mudah Terjejas (60%)	Malaysianization (40%)	Pekerja (20%)		
RM1,200	-	-	RM480	RM500		
RM1,300	-	-	RM520	RM500		
RM1,400	-	-	RM560	RM500		
RM1,500	RM600	RM900	RM600	RM500		
RM1,600	RM640	RM960	RM640	RM500		
RM1,700	RM680	RM1,020	RM680	RM500		
RM1,800	RM720	RM1,080	RM720	RM500		
RM1,900	RM760	RM1,140	RM760	RM500		
RM2,000	RM800	RM1,200	RM800	RM500		
RM2,100	RM840	RM1,260	RM840	RM500		
RM2,200	RM880	RM1,320	RM880	RM500		
RM2,300	RM920	RM1,380	RM920	RM500		
RM2,400	RM960	RM1,440	RM960	RM500		
RM2,500	RM1,000	RM1,500	RM1,000	RM500		
RM2,600	RM1,040	RM1,560	RM1,040	RM520		
RM2,700	RM1,080	RM1,620	RM1,080	RM540		
RM2,800	RM1,120	RM1,680	RM1,120	RM560		
RM2,900	RM1,160	RM1,740	RM1,160	RM580		
RM3,000	RM1,200	RM1,800	RM1,200	RM600		
RM3,100	RM1,240	RM1,860	RM1,240	RM620		
RM3,200	RM1,280	RM1,920	RM1,280	RM640		
RM3,300	RM1,320	RM1,980	RM1,320	RM660		
RM3,400	RM1,360	RM2,040	RM1,360	RM680		
RM3,500	RM1,400	RM2,100	RM1,400	RM700		
RM3,600	RM1,440	RM2,160	RM1,440	RM720		
RM3,700	RM1,480	RM2,220	RM1,480	RM740		
RM3,800	RM1,520	RM2,280	RM1,520	RM760		
RM3,900	RM1,560	RM2,340	RM1,560	RM780		
RM4,000	RM1,600	RM2,400	RM1,600	RM800		
RM4,100	RM1,640	RM2,460	RM1,640	RM820		
RM4,200	RM1,680	RM2,520	RM1,680	RM840		
RM4,300	RM1,720	RM2,580	RM1,720	RM860		
RM4,400	RM1,760	RM2,640	RM1,760	RM880		
RM4,500	RM1,800	RM2,700	RM1,800	RM900		
RM4,600	RM1,840	RM2,760	RM1,840	RM920		
RM4,700	RM1,880	RM2,820	RM1,880	RM940		
RM4,800	RM1,920	RM2,880	RM1,920	RM960		
RM4,900	RM1,960	RM2,940	RM1,960	RM980		
RM5,000	RM2,000	RM3,000	RM2,000	RM1,000		
RM5,100	RM2,040	RM3,060	RM2,040	RM1,020		
RM5,200	RM2,080	RM3,120	RM2,080	RM1,040		
RM5,300	RM2,120	RM3,180	RM2,120	RM1,060		
RM5,400	RM2,160	RM3,240	RM2,160	RM1,080		
RM5,500	RM2,200	RM3,300	RM2,200	RM1,100		
RM5,600	RM2,240	RM3,360	RM2,240	RM1,120		

RM5,700	RM2,280	RM3,420	RM2,280	RM1,140
RM5,800	RM2,320	RM3,480	RM2,320	RM1,160
RM5,900	RM2,360	RM3,540	RM2,360	RM1,180
RM6,000	RM2,400	RM3,600	RM2,400	RM1,200
RM6,100	RM2,440	RM3,660	RM2,440	RM1,220
RM6,200	RM2,480	RM3,720	RM2,480	RM1,240
RM6,300	RM2,520	RM3,780	RM2,520	RM1,260
RM6,400	RM2,560	RM3,840	RM2,560	RM1,280
RM6,500	RM2,600	RM3,900	RM2,600	RM1,300
RM6,600	RM2,640	RM3,960	RM2,640	RM1,320
RM6,700	RM2,680	RM4,020	RM2,680	RM1,340
RM6,800	RM2,720	RM4,080	RM2,720	RM1,360